



---

**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR  
PEPERIKSAAN AKHIR**

---

**NAMA KURSUS : PELABURAN ISLAM**  
**KOD KURSUS : DPI2163/DPB3353**  
**PEPERIKSAAN : NOVEMBER 2016**  
**MASA : 3 JAM**

---

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **EMPAT (4)** bahagian:

BAHAGIAN A (10 Markah)
BAHAGIAN B (10 Markah)
BAHAGIAN C (20 Markah)
BAHAGIAN D (60 Markah)
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperoleh untuk sesi peperiksaan ini:
  - i. Kertas Soalan
  - ii. Jadual Nilai Kini/Hadapan
  - iii. Kertas Jawapan Objektif
  - iv. Buku Jawapan

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU**

**KERTAS SOALANINI MENGANDUNGI 11 HALAMAN BER CETAK TERMASUK MUKA HADAPAN**

---



**BAHAGIAN A**

Bahagian ini mengandungi **SEPULUH (10)** soalan.

Jawab SEMUA di dalam Kertas Jawapan Objektif.

1. Waran, opsyen dan kontrak hadapan adalah contoh
  - A. Sekuriti ekuiti
  - B. Sekuriti hutang
  - C. Sekuriti derivatif
  - D. Sekuriti kerajaan
2. Tiga (3) syarat minimum syariah bagi sesebuah "multi level marketing" (MLM) termasuklah yang berikut kecuali :
  - A. Setiap *upline* mesti menaruh usaha atas jualan orang bawahannya.
  - B. Produk yang ditawarkan mesti ada manfaat dan berkualiti.
  - C. Tidak diwajibkan bagi ahli menjual jumlah tertentu bagi memperoleh komisen dari orang bawahannya.
  - D. Produk yang dijual boleh terdiri dari emas atau perak yang dijual secara tangguh
3. Konsep "*al ghonmu bil ghormi*" berkait rapat dengan
  - A. Risiko
  - B. Hutang
  - C. Nilai masa wang
  - D. Kecairan
4. Tindakan yang wajar diambil oleh individu yang bercadang untuk melabur adalah seperti berikut kecuali :
  - A. Melihat rekod prestasi lepas dan unjuran akan datang
  - B. Membuat carta harga yang lepas.
  - C. Memahami perniagaan sesebuah syarikat
  - D. Melihat perkembangan dan isu terkini syarikat

5. Yang manakah daripada pernyataan berikut berkaitan pelbagaian adalah tidak benar
- Melabur dalam saham biasa tetapi daripada syarikat dalam pelbagai sektor.
  - Merujuk kepada proses menggabungkan beberapa jenis pelaburan yang tidak bergerak secara selari.
  - Efisien portfolio berlaku apabila aset-aset yang digabungkan mempunyai kolerasi tidak sempurna
  - Satu cara bagaimana risiko sistematik dapat dikurangkan.
6. Faktor yang menyumbang kepada mengapa aset nyata mempunyai kecairan yang rendah adalah
- Aset sukar untuk dipecahkan kepada bahagian yang kecil
  - Aset mempunyai kegunaan yang spesifik
  - Tiada pasaran rasmi (*organized market*)
  - Kos yang tinggi
- A. i sahaja  
B. i dan ii sahaja  
C. i , ii dan iii sahaja  
D. Semua di atas
7. Kelebihan melabur dalam saham biasa adalah seperti berikut kecuali
- Mudahpasar kerana adanya pasaran rasmi
  - Tanggungan pelabur terhad kepada jumlah yang telah dilaburkan dalam sesebuah syarikat
  - Dividen adalah tetap dan lebih tinggi daripada yang diterima oleh pemegang bon dan pemegang saham keutamaan
  - Instrumen pelaburan yang baik untuk melindungi kesan inflasi

8. Pilih manakah maklumat yang boleh mempengaruhi pasaran sekuriti
- Kitaran dalam ekonomi
  - Khabar angin
  - Harga sekuriti lain
  - Polisi syarikat tempat anda melabur
- A. i sahaja  
B. i dan ii sahaja  
C. i , ii dan iii sahaja  
D. Semua di atas
9. Pelabur yang bercadang untuk memperoleh pulangan semasa yang tinggi wajar melabur dalam
- Saham Mewah
  - Saham Pendapatan
  - Saham Berkembang
  - Saham Berkitar
- A. i sahaja  
B. i dan ii sahaja  
C. i , ii dan iii sahaja  
D. Semua di atas
10. Berikut adalah kriteria pelabur yang sesuai untuk melabur dalam unit amanah kecuali
- Menginginkan kepelbagaian dalam pelaburan
  - Menginginkan pulangan yang tinggi
  - Bersedia untuk tidak campurtangan dalam pengurusan dana yang telah dilaburkan
  - Mempunyai pengetahuan yang sedikit berkaitan pelaburan dan modal ditangan kurang dari RM500

**[10 MARKAH]**

**BAHAGIAN B**

Bahagian ini mengandungi **SEPULUH (10)** soalan. Jawab **SEMUA** soalan di dalam Buku Jawapan .

**Isi tempat kosong dengan pilihan jawapan yang sesuai.**

Analisis Fundamental	Tersenarai	Analisis Teknikal
Hak mengundi	Terlebih nilai	Hak beli dahulu
Tingkat harga penguna (CPI)	Unit amanah	Sekuriti derivatif
<i>Short selling</i>	Bercagar	<i>Margin trading</i>
Sekuriti kerajaan	Prospektus	Unit Amanah
Pelbagai	Terkurang nilai	Boleh panggil

1. \_\_\_\_\_ adalah transaksi yang melibatkan penjualan sekuriti pada harga tinggi dan pembelian semula apabila berlaku kejatuhan harga.
2. Memerlukan banyak data lepas untuk membolehkan jangkaan dilakukan adalah satu contoh kelemahan utama \_\_\_\_\_.
3. \_\_\_\_\_ adalah contoh pelaburan tidak langsung.
4. Apabila nilai intrinsik sekuriti melebihi nilai pasarnya, maka sekuriti dikatakan \_\_\_\_\_.
5. Tiga (3) contoh petunjuk ekonomi yang wajar dikaji semasa menjalankan analisa fundamental termasuklah tingkat pengangguran, Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan \_\_\_\_\_.
6. \_\_\_\_\_ merujuk kepada syarikat yang boleh menebitkan saham dan seterusnya menjualkannya kepada orang awam sebagai cara untuk mendapatkan pembiayaan tambahan .
7. \_\_\_\_\_ adalah satu contoh sumber untuk memperoleh maklumat pelaburan.
8. Syarikat akan menerbitkan bon \_\_\_\_\_ apabila ada jangkaan akan berlaku kejatuhan kadar bunga di pasaran pada masa akan datang.

9. \_\_\_\_\_ merujuk kepada keistimewaan yang diberi kepada pelabur sedia ada untuk mengekalkan peratusan pegangan (pemilikan) semasa
10. Pelabur yang yang tergolong sebagai risiko suka (risk taker) akan cenderung untuk melabur dalam \_\_\_\_\_

**[10 MARKAH]**

**BAHAGIAN C**

Bahagian ini mengandungi **EMPAT (4) soalan**.

Jawab semua soalan di dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

Berikan maksud ringkas terma yang berikut :

- a. Proses pelaburan (*Investment process*)
- b. IPOS (*Initial Public Offerings*)
- c. Saham Berkitar (*Cyclical stock*)
- d. Risiko perniagaan (*Business risk*)
- e. Spekulator rasional (*Rational speculator*)

(5 markah)

**SOALAN 2**

Terangkan yang berikut dan kaitkan dengan pelaburan :

- a. Kecairan potfolio.
- b. Melindungi kesan inflasi .

(5 markah)

**SOALAN 3**

Terangkan yang berikut :

- a. DUA (2) ciri saham keutamaan.
- b. DUA (2) kelebihan melabur dalam sekuriti kerajaan (*Government securities*).

(5 markah)

**SOALAN 4**

Huraikan pandangan Islam terhadap aktiviti pelaburan.

(5 markah)

**[20 MARKAH]**

**BAHAGIAN D**

Bahagian ini mengandungi EMPAT (4) soalan.

Jawab TIGA (3) soalan di dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

- a. Famosa Bhd. menawarkan saham keutamaan dengan kadar dividen 13% setahun. Jika harga semasa saham di pasaran adalah RM145, manakala nilai par saham adalah RM120 dan kadar pulangan yang anda kehendaki adalah 11%, tentukan yang berikut :
- Berminatkah anda untuk membeli saham syarikat ini?
  - Berikan alasan anda berdasarkan jawapan (i)
- (3 markah)
- b. Terangkan saham keutamaan dari aspek yang berikut :
- Tempoh matang
  - Risiko inflasi
  - Hak mengundi
- (6 markah)
- c. Anda telah membeli saham pada harga RM 0.115 seunit pada September 2013 dan menjualnya semula pada bulan Disember pada tahun yang sama pada harga RM 0.103 seunit. Dividen yang di peroleh sepanjang tempoh pegangan adalah RM 0.065. Kirakan kadar pulangan pelaburan (HPR) ini.
- (3 markah)
- d. Jelaskan alternatif pelaburan yang berikut :
- Emas
  - Hartanah
- (8 markah)

**SOALAN 2**

- a. 8.5% kupon bon dijual pada harga RM1250. Nilai muka bon adalah RM1000. Bon mempunyai tempoh matang selama 15 tahun tetapi telah diterbitkan tiga tahun lalu.
- Kira pulangan hingga tempoh matang bon.  
(3 markah)
  - Kira pulangan semasa bon.  
(2 markah)
- b. Diberi maklumat berkaitan **DUA (2)** bon yang ada di pasaran

	<b>Bon QQ Bhd.</b>	<b>Bon UU Bhd</b>
Kadar kupon	6.5%	10%
Bilangan kali bunga dibayar dalam setahun	2	1
Tempoh matang (tahun)	10	7
Harga semasa	RM 1050.10	RM 990.30

Untuk setiap bon, kira :

- Nilai intrinsik setiap bon jika kadar pulangan dikehendaki adalah 12%.  
(7 markah)
  - Tentukan bon mana yang menarik dari kacamata anda sebagai pelabur. Berikan justifikasi anda.  
(2 markah)
- c. Terangkan secara ringkas yang berikut :
- DUA (2)** ciri sukuk
  - Junk Bonds*
  - Sukuk Mudharabah*  
(6 markah)

**SOALAN 3**

a. Fire Flyz Bhd. telah membayar dividen sebanyak RM0.07 sesaham pada tahun lepas. Harga semasa saham syarikat adalah RM13.20. Jika dividen dijangka meningkat sebanyak 7.5% setahun dan kadar pulangan dikehendaki pelabur adalah 11%, kira harga saham pada tahun ke sepuluh.

(3 markah)

b. Pew Chew Bhd. telah membayar RM 0.19 dividen sesaham pada tahun lepas. Syarikat menjangkakan dividen akan bertambah pada kadar 15% setahun untuk sepanjang tiga tahun pertama dan kemudian jatuh kepada 10.5% setahun pada tahun keempat dan kelima dan diikuti pada kadar 9% pada tahun-tahun yang seterusnya. Jika kadar pulangan dikehendaki adalah 12%, nisbah harga perolehan adalah 8, manakala perolehan sesaham ialah RM 7.90, kira harga saham pada hari ini.

(9 Markah)

c Terangkan yang berikut :

- i. Saham Patuh Syariah
- ii. Sekuriti ekuiti
- iii. Konsep Musyarakah dan kaitannya dengan saham biasa
- iv. Saham mewah (*Blue Chips Stock*)

(8 markah)

**SOALAN 4**

- a. Diberi maklumat yang berikut mengenai Reymond Bhd:

Bilangan saham terterbit syarikat adalah sebanyak 70 juta unit. Keseluruhan aset syarikat ditampung oleh liabiliti bernilai RM200 juta dan ekuiti syarikat bernilai RM400 juta. Keuntungan syarikat sebelum cukai adalah sebanyak RM750 juta manakala cukai tahunan adalah RM60 juta. Jumlah dividen dibayar kepada pemegang saham biasa adalah sebanyak RM105 juta dan harga semasa saham adalah RM73.00.

Kirakan nisbah :

- i. Perolehan sesaham (2 markah)
  - ii. Perolehan tertahan jika nisbah pembayaran dividen adalah 32.7% (2 markah)
  - iii. Pulangan atas ekuiti (2 markah)
  - iv. Bincangkan bagaimana nisbah (i) dan (ii) berguna kepada seseorang individu untuk membuat keputusan pelaburan. (4 markah)
- c. MyBuddy Bhd. telah menerbitkan saham keutamaan bersamanya waran yang membolehkan pemegangnya membeli tiga unit saham biasa pada harga RM15.00 sesaham. Harga semasa saham di pasaran adalah RM23.00 manakala harga waran di pasaran adalah RM19.00. Kira:
- i. Nilai teori waran (3 markah)
  - ii. Nilai premium waran (2 markah)
- d. Terangkan :
- i. Mengapa waran dikategorikan sebagai sekuriti derivatif.
  - ii. Waran wajar menjadi instumen pelaburan pilihan pelabur (5 markah)

**[60 MARKAH]**

**KERTAS SOALAN TAMAT**



